

Ruj. Kami : (8.00) (01.00) 96/1-3 (76)
Tarikh : 24 Mac 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan Sabah

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 10 TAHUN 1997**

**KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL -
CUKAI LAPANGAN TERBANG**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2, Sukacita dimaklumkan bahawa pegawai dan kakitangan yang bertukar wilayah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah diberikan Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987. Sehubungan dengan itu, ingin saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada petikan perenggan 5 muka surat 2 pekeliling tersebut yang berbunyi:

" Kemudahan tambang hanya meliputi tambang yang sebenar dan tidak termasuk lain-lain tuntutan seperti lojing, hotel, elaun makan ataupun tambang teksi dan sebagainya... "

3. Oleh yang demikian, kemudahan yang layak dinikmati **hanyalah tambang yang sebenar** dan **tidak termasuk cukai lapangan terbang**. Maka dengan ini, sukacita pejabat ini mengingatkan semua pegawai/kakitangan Persekutuan yang menggunakan kemudahan tersebut menjelaskan sendiri bayaran cukai lapangan terbang masing- masing termasuk ahli-ahli keluarga. Semua Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan adalah diminta untuk memastikan cukai lapangan terbang dikutip daripada diminta untuk memastikan cukai lapangan terbang dikutip daripada pegawai/kakitangan yang menggunakan kemudahan tersebut.

Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah